

Kepelbagaian Strategi Pembelajaran Tulisan Asas Bahasa Jepun (Hiragana): Satu Kajian Deskriptif

Roswati Abdul Rashid

Radhiah Ismail

Noor Haslina Mohamad Akhir

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan kepelbagaian strategi yang digunakan oleh pelajar dalam mempelajari tulisan asas bahasa Jepun iaitu Hiragana di peringkat asas. Sebagaimana yang diketahui umum, bahasa Jepun mempunyai 3 sistem tulisan iaitu tulisan Hiragana merupakan tulisan paling asas dan diikuti dengan tulisan Katakana dan Kanji. Kajian terkini dalam penyelidikan bahasa Jepun di Malaysia lebih berfokus kepada aspek penulisan karangan, pemahaman, tatabahasa, komunikasi dan fonologi. Kajian yang mengkaji bagaimana pelajar belajar dan menguasai tulisan bahasa Jepun masih lagi tiada (Senarai tesis Universiti Malaya). Justeru itu, kajian ini ingin mengenal pasti apakah strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar ketika belajar tulisan Hiragana semasa di luar kelas. Sampel kajian adalah terdiri daripada 44 orang pelajar kursus Bahasa Jepun I, yang ditawarkan sebagai kursus elektif oleh Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Data kajian yang diperolehi mendapati bahawa dalam pembelajaran tulisan Hiragana, pelajar-pelajar UMT tidak hanya memberi penekanan pada pembelajaran sendiri malah pembelajaran melalui pengajaran pengajar juga dititikberatkan. Strategi yang memerlukan kerjasama daripada pengajar juga adalah di antara kedudukan yang teratas dalam kajian ini.

Pengenalan

Pembelajaran bahasa asing bukan lagi satu fenomena baru di Malaysia. Ianya telah diberi perhatian serius oleh kerajaan Malaysia semenjak tahun 1960-an lagi, di mana kursus-kursus bahasa asing telah ditawarkan di peringkat institusi pengajian tinggi dan di peringkat sekolah.

Melalui pembelajaran bahasa asing, kerajaan Malaysia mempunyai agenda dan misi tersendiri dalam visi melengkapkan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang boleh menghadapi cabaran globalisasi.

Dasar dan objektif kerajaan melalui pembelajaran bahasa asing ini adalah untuk:

1. Menambahkan satu lagi kemahiran berbahasa selain berkebolehan dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris.
2. Menambahkan pengetahuan tentang budaya bahasa asing yang dipelajari tersebut.
3. Berpeluang mempelajari teknologi yang digunakan di negara-negara berkenaan.
4. Berpeluang bekerja dengan syarikat-syarikat asing di Malaysia.
5. Menggalakkan pelajar melanjutkan pelajaran di negara-negara berkenaan.
6. Menyediakan Malaysia ke arah negara multilingual.

Cabaran mempelajari bahasa asing telah disahut oleh masyarakat Malaysia sebagaimana pendapat Sew, J.W (1998) dalam Roswati (2002).

Komunikasi antara budaya kini merupakan suatu aspek yang penting bukan sahaja dalam kajian linguistik tetapi juga dalam alam perniagaan, ekonomi dan politik. Komunikasi ini menjadi sebahagian daripada saripati sosiobudaya abad ke 21. Desakan global yang semakin ketara menyebabkan setiap orang yang berkecimpung dalam dunia perniagaan, industri, korporat, linguistik dan pendidikan terpaksa memikirkan semula konsep yang ada dan membuat peralihan paradigma sedikit sekiranya mereka tidak mahu ketinggalan era baru.

Sebagai contoh implikasi agenda dan misi kerajaan ialah sebelum tahun 1966, bahasa Jepun telah ditawarkan di universiti-universiti tempatan sebagai subjek elektif. Kemudian secara perlahan-lahan ia diperkenalkan kepada sekolah-sekolah peringkat menengah pada awal tahun 1980-an. Ianya menjadi bertambah penting lagi setelah Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Program Dasar Pandang ke Timur pada Julai 1981.

Untuk membangunkan negara, Malaysia haruslah mencontohi dan berkongsi rahsia di sebalik kejayaan dan pengalaman dari Jepun sebagai sebuah negara

termaju di antara negara-negara termaju di dunia. Contohnya seperti ciri-ciri pengurusan yang baik, semangat ketekunan orang-orang Jepun dan langkah untuk mencapai wawasan 2020 dalam menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian, kita haruslah mempelajari teknologi yang tinggi dan etika kerja yang diamalkan oleh Jepun (Mahathir Mohamad, 1981).

Hasil daripada program tersebut sehinggalah pada tahun 2005 terdapat 1,307 buah syarikat Jepun yang bertapak di negara ini dalam usaha kerajaan mengukuhkan ekonomi negara dengan membenarkan negara asing membuat pelaburan di Malaysia. Manakala dari segi pendidikan pula, institusi bahasa Jepun yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1982 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur manakala pada tahun 1992 pula, institusi yang kedua telah ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia. Institusi ini menawarkan program persediaan yang melengkapkan pelajar dengan kemahiran berbahasa Jepun secara intensif sebelum melanjutkan pelajaran ke Jepun dalam pelbagai bidang. Sehingga kini terdapat 18 buah institusi bahasa Jepun di 15 buah IPTA di Malaysia. Manakala pada peringkat pendidikan sekolah pula sehingga 2006 terdapat 59 buah sekolah samada berasrama penuh mahupun harian menawarkan kursus bahasa Jepun.

Sorotan Literatur

i. Kajian Lepas

Kajian strategi pembelajaran bahasa (SPB) dalam pembelajaran bahasa Inggeris dan Melayu telah dilakukan oleh Abu Talib (1998), Mohamed Amin (1996), Mohd Nazali (1999), Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002), Supian (2003) dan lain-lain.

Manakala kajian yang mengkaji SPB terhadap bahasa asing di Malaysia pula adalah Anida Abdul Rahim (2003) – bahasa Arab, Kang, Hyeok (1999) – bahasa Korea, Neo Swee Leng (2005) – bahasa Sepanyol, Roslina Mamat (1999) dan Suzana Ismail (2005) – bahasa Jepun. Namun kajian yang mengkaji strategi pembelajaran dalam menguasai tulisan hiragana, katakana malah kanji masih lagi kurang dalam penyelidikan bahasa Jepun di Malaysia. Kajian – kajian yang ada lebih berfokuskan kepada aspek penulisan karangan, pemahaman, tatabahasa, komunikasi dan fonologi.

ii. Sistem Penulisan Bahasa Jepun

Jadual 1: Hiragana

<i>Baris</i>	<i>A</i>	<i>I</i>	<i>U</i>	<i>E</i>	<i>O</i>
<i>Jalur</i>	あ(a)	い(i)	う(u)	え(e)	お(o)
<i>k</i>	か(ka)	き(ki)	く(ku)	け(ke)	こ(ko)
<i>s</i>	さ(sa)	し(shi)	す(su)	せ(se)	そ(so)
<i>t</i>	た(ta)	ち(chi)	つ(tsu)	て(te)	と(to)
<i>n</i>	な(na)	に(ni)	ぬ(nu)	ね(ne)	の(no)
<i>h</i>	は(ha)	ひ(hi)	ふ(fu)	へ(he)	ほ(ho)
<i>m</i>	ま(ma)	み(mi)	む(mu)	め(me)	も(mo)
<i>y</i>	や(ya)		ゆ(yu)		よ(yo)
<i>r</i>	ら(ra)	り(ri)	る(ru)	れ(re)	ろ(ro)
<i>w</i>	わ(wa)				を(wo)
	ん(n)				

Jadual 2: Katakana

<i>Baris</i>	<i>A</i>	<i>I</i>	<i>U</i>	<i>E</i>	<i>O</i>
<i>Jalur</i>	ア(a)	イ(i)	ウ(u)	エ(e)	オ(o)
<i>k</i>	カ(ka)	キ(ki)	ク(ku)	ケ(ke)	コ(ko)
<i>s</i>	サ(sa)	シ(shi)	ス(su)	セ(se)	ソ(so)
<i>t</i>	タ(ta)	チ(chi)	ツ(tsu)	テ(te)	ト(to)

n	ナ(na)	ニ(ni)	ヌ(nu)	ネ(ne)	ノ(no)
h	ハ(ha)	ヒ(hi)	フ(fu)	ヘ(he)	ホ(ho)
m	マ(ma)	ミ(mi)	ム(mu)	メ(me)	モ(mo)
y	ヤ(ya)		ユ(yu)		ヨ(yo)
r	ラ(ra)	リ(ri)	ル(ru)	レ(re)	ロ(ro)
w	ワ(wa)				を(wo)
	ン(n)				

Jadual 3: Kanji

亜	哀	愛	惡	握	压	扱	安	暗	案	以	位	依	偉	困	委	威	尉	意	慰	易	為	異	移	維	緯
胃	衣	違	遺	医	井	域	育	一	壹	逸	稻	芋	印	員	因	姻	引	飲	院	陰	隱	韻	右	宇	羽
雨	渦	浦	運	雲	營	影	映	榮	永	泳	英	衛	詠	銳	液	疫	益	馱	悅	謁	越	閱	円	園	宴
延	援	沿	演	炎	煙	猿	緣	遠	鉛	塩	汚	凹	央	奧	往	応	押	横	欧	毆	王	翁	黄	冲	億
屋	憶	乙	卸	恩	温	穩	音	下	化	仮	何	働	佳	加	可	夏	嫁	家	寡	科	暇	果	架	歌	河
火	禍	稼	箇	花	荷	華	菓	課	貨	過	蚊	我	画	芽	賀	雅	餓	介	会	解	回	塊	壞	快	怪
悔	懷	戒	拐	改	械	海	灰	界	皆	絵	開	階	貝	効	外	害	慨	概	涯	街	該	垣	嚇	各	抃
格	核	殼	獲	確	穫	覺	角	較	郭	閣	隔	革	学	岳	樂	額	掛	瀉	割	喝	括	活	渴	滑	謁
轄	且	株	刈	乾	冠	寒	刊	勘	勸	卷	喚	堪	完	官	寬	干	幹	患	感	慣	憾	換	敢	棺	款
歡	汗	漢	環	甘	監	看	管	簡	緩	缶	肝	艦	觀	貫	還	鑑	間	閑	閑	陷	館	丸	含	岸	眼
岩	頑	顏	願	企	危	喜	器	基	奇	基	奇	寄	岐	希	幾	忌	揮	机	旗	既	期	棋	棄	機	帰
氣	汽	祈	季	紀	規	記	貴	起	軌	輝	飢	騎	鬼	偽	儀	宜	戲	技	擬	欺	犧	疑	義	議	菊
吉	喫	詰	却	客	脚	虐	逆	丘	久	休	及	吸	宮	弓	急	救	朽	求	泣	球	究	窮	級	糾	給
旧	牛	去	居	巨	拒	拋	拳	虚	許	距	漁	魚	享	京	供	競	共	凶	協	叫	境	峽	強	恐	恭
挾	教	橋	況	狂	狹	矯	胸	脅	興	鄉	鏡	響	驚	仰	凝	曉	業	局	曲	極	玉	勤	均	斤	琴
禁	筋	緊	菌	襟	謹	近	金	吟	銀	九	句	区	苦	馭	具	愚	虞	空	偶	遇	隅	屈	掘	靴	繰
桑	勲	君	薰	訓	群	軍	郡	係	傾	刑	兄	啓	型	契	形	徑	惠	慶	憩	揭	携	敬	景	溪	系
經	繼	莖	蚩	計	警	輕	鷄	芸	迎	鯨	劇	擊	激	傑	欠	決	潔	穴	結	血	月	件	俟	健	兼

Secara ringkasnya sistem tulisan bahasa Jepun terdiri daripada 3 sistem tulisan iaitu Hiragana - Jadual 1, Katakana - Jadual 2 dan Kanji - Jadual 3. Sistem tulisan Hiragana ini adalah mirip kepada sistem abjad Roman yang merupakan sistem paling asas dan teras dalam menguasai bahasa Jepun sebelum mempelajari sistem tulisan Katakana dan Kanji.

Jadual 1 merupakan 47 huruf yang terkandung dalam sistem tulisan Hiragana. Kesemua huruf-huruf Hiragana berasaskan kepada 5 vokal : あ(a), い(i), う(u), え(e) dan お(o) . Ianya digunakan samada secara sendirian, bergabung dengan konsonan (k + a = か, k + i = き, k + u = く, k + e = け dan k + o = こ) dan konsonan yang bergabung dengan semi vokal (k+y+a=きゃ). Manakala ん(n) ialah satu-satunya huruf yang tidak bergabung dengan vokal.

Dalam bahasa Jepun moden, Hiragana digunakan bagi menulis perubahan bentuk kata kerja. Contoh: 食べます (*tabemasu* – akan makan) dan 食べました (*tabemashita* – telah makan), di mana *MASU* dan *MASHITA* ditulis dalam Hiragana untuk menunjukkan kata kerja tersebut dalam bentuk kata kerja kala kini dan kala lampau. Begitu juga dengan adjektif bahasa Jepun di mana setiap adjektif ditulis menggunakan Hiragana di hujungnya yang dipanggil *Okurigana* dan juga bagi perubahan bentuk adjektif. Contoh: 寒い (*samui* - sejuk) dan 新しい (*atarashii* – baru), di mana *I* dan *RASHII* ditulis dalam Hiragana. 寒かった (*samukatta* – sejuk (telah berlalu)) dan 寒くない (*samukunai* – tidak sejuk) di mana *KATTA* dan *KUNAI* masing-masing menunjukkan adjektif dalam bentuk kala lampau dan negatif. Manakala partikel bahasa Jepun pula menggunakan Hiragana sepenuhnya. Contoh: で (*de* - di mana), から (*kara* – daripada), に (*ni* – pada, kepada) dan sebagainya. Lagi kategori bahasa Jepun yang menggunakan tulisan Hiragana ialah perkataan asal bahasa Jepun, perkataan-perkataan yang terlalu sukar untuk ditulis atau dibaca dalam Kanji dan cara sebutan kepada sistem tulisan Kanji yang dipanggil *Furigana*.

Jadual 2 pula menunjukkan sistem tulisan Katakana. Sistem ini secara keseluruhannya menyamai sistem Hiragana dari segi sebutan. Hanya bentuk hurufnya yang berbeza. Katakana digunakan untuk menulis perkataan yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Jepun. Contohnya ialah kata nama orang, kata nama benda, onomatopia dan sebagainya.

Jadual 3 pula merupakan sebahagian daripada 1945 huruf kanji yang dikategorikan sebagai kanji untuk kegunaan harian sebagai contoh dalam kajian ini. *Daikanwa Jiten* (Kamus *Daikanwa*)

sebuah kamus kanji yang terbesar dalam pendidikan bahasa Jepun telah mengumpulkan dan menyusun sebanyak 50,000 kanji. Kanji digunakan bagi menulis kata nama, kata dasar bagi adjektif dan kata dasar bagi kata kerja bahasa Jepun.

Penyataan Masalah

SPB merupakan satu cara untuk membantu seseorang berjaya menguasai sesuatu pelajaran. Kajian-kajian dalam penyediaan bahasa Melayu oleh Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Nazali (2001) Zamri et al. (2002) serta Supian (2003) mendapati bahawa kebanyakan pelajar cemerlang memperoleh pencapaian akademik Bahasa Melayu jauh lebih baik berbanding pelajar lemah. Pelajar cemerlang menggunakan lebih banyak dan pelbagai SPB berbanding pelajar lemah. (dalam Zamri Mohamad et al, 2001)

Adalah penting pelajar dikehendaki mengenalpasti gaya pembelajaran masing - masing bagi memantapkan lagi kebekersanan pembelajaran yang diikuti. Biekey & Rodman (1995) dalam Shareza (2003) menjelaskan bahawa proses pembelajaran adalah penting bagi seseorang pelajar mengenal jenis gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan dirinya sendiri. Ini adalah kerana gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaiannya.

Seperti yang kita sedia maklum, mempelajari bahasa Jepun selain dari bahasa ibunda bukan satu perkara yang mudah terutamanya di dalam persekitaran yang tidak mengalakkan penggunaan bahasa tersebut. Malah pengetahuan linguistik yang terhad menyebabkan pelajar sukar untuk menguasai bahasa tersebut walaupun telah mempelajarinya untuk beberapa semester. Maka di sini pemilihan SPB yang sesuai dan mempelbagaikan SPB akan memberi satu kelebihan kepada pelajar untuk menguasai tulisan-tulisan bahasa Jepun.

Menyedari akan perkara tersebut, pengkaji ingin mengambil inisiatif dengan mengkaji dan memperihalkan pola-pola SPB yang digunakan di kalangan pelajar UMT ketika belajar tulisan asas bahasa Jepun iaitu Hiragana. Setakat ini belum ada kajian yang berkaitan dengan SPB dalam menguasai tulisan dijalankan di Malaysia.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran tulisan Hiragana yang digunakan oleh pelajar. Hasil kajian akan digunakan dalam memperkasakan pembelajaran bahasa asing terutama bahasa-bahasa yang mempunyai tulisan-tulisan selain daripada tulisan Roman, di mana akan dapat membantu pengajar khususnya merangka strategi baru bagi memudahkan pembelajaran tulisan dan boleh menarik minat pelajar dalam menguasai tulisan-tulisan dengan lebih baik.

Metodologi Kajian

Kajian kes menggunakan instrumen soal selidik ini dijalankan terhadap 44 orang pelajar UMT yang mengambil bahasa Jepun sebagai kursus elektif (2 jam kredit). Kursus ini ditawarkan oleh Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Sample kajian terdiri daripada pelbagai bidang dan tahun pengajian. Tempoh pembelajaran ialah 14 jam yang menggunakan buku rujukan handout Hiragana dan Hiragana in 48 Minutes Curriculum Corporation. 1999.

Soal selidik yang digunakan adalah adaptasi daripada instrumen temubual dalam kajian Memperkasakan Pembelajaran Pelajar Melalui Kepelbagaian Strategi Pembelajaran Bahasa oleh Zamri Mohamad et al (2001). Soal selidik ini telah diadaptasi mengikut kesesuaian skop kajian dan kajian rintis dijalankan bagi mencari kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian. Setelah itu ianya dibaiki dengan meminta kerjasama guru bahasa Jepun penutur asli yang berpengalaman. Kajian rintis telah dijalankan terhadap pelajar-pelajar institusi lain yang telah mengikuti pembelajaran tulisan Hiragana dalam tempoh yang sama dan menggunakan bahan rujukan yang sama. Nilai kebolehpercayaan alat kajian yang telah didapati ialah Cronbach's Alpha 0.882.

Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A yang digunakan untuk mengumpul maklumat demografi, bahagian B pula mengandungi soalan berapa lamakah tempoh yang diperuntukkan untuk mempelajari tulisan Hiragana dalam sehari dan seminggu. Bahagian C pula ialah tema (strategi) yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran tulisan Hiragana. Item-item telah dibina dalam bentuk skala Likert yang mempunyai lima pilihan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Manakala bahagian D pula strategi-strategi lain yang digunakan semasa mempelajari tulisan Hiragana.

Data-data yang telah diperolehi daripada soal selidik dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS Vol 12.0 for Windows). Data-data yang telah dianalisis dinyatakan dalam bentuk analisis deskriptif iaitu taburan kekerapan, min, sisihan lazim dan peratusan. Min diperolehi dari analisis ini digunakan untuk menentukan strategi yang banyak digunakan oleh pelajar.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Bahagian A

Bahagian ini akan menerangkan demografi yang merangkumi jantina, fakulti, semester dan tahun pengajian, bangsa, pengalaman mengikuti pelajaran bahasa Jepun sebelum mempelajarinya di UMT.

Jadual 4 : Maklumat responden

No	Item		F	%
1.	Jantina	Lelaki	16	36.4
		Perempuan	28	63.6
2.	Tahap Pendidikan	Sijil	0	0
		Diploma	2	4.5
		Sarjana Muda	39	88.6
		Sarjana	3	6.8
3.	Fakulti	FST	17	38.6
		FPE	2	4.5
		FMSM	5	11.4
		FASM	20	45.5
4.	Tahun	Tahun 1	0	0
		Tahun 2	23	52.3
		Tahun 3	21	47.7
		Tahun 4	0	0

5.	Semester	Semester I	4	9.1
		Semester II	16	36.4
		Semester III	24	54.5
6.	Bangsa	Melayu	24	54.4
		Cina	15	34.1
		India	2	4.5
		Dan lain-lain	3	6.8
7.	Tempoh pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun SEBELUM memperlajarinya di UMT.	0 (Tidak Pernah)	40	90.9
		Kurang 1 tahun	0	0
		Lebih kurang 1 – 2 tahun	1	2.3
			3	6.8
		2 tahun ke atas		
8.	Tempat pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun SEBELUM memperlajarinya di UMT.	Sekolah Rendah	0	0
		Sekolah Menengah	5	11.4
		IPT	0	0
		Agensi Swasta	0	0
		Sendiri	5	11.4
		Lain-lain	34	77.3

Jadual 4 di atas menunjukkan maklumat keseluruhan responden yang telah terlibat dalam kajian. Kajian mendapati bilangan responden lelaki seramai 16 orang (36.4%), manakala responden perempuan seramai 28 orang (63.6%). Dari segi latar belakang akademik, responden kajian yang terbanyak ialah dari kalangan pelajar Sarjana Muda iaitu 39 responden (88.6%), 2 responden (4.5%) berpendidikan Diploma dan 3 responden (6.8%) berpendidikan Sarjana di UMT.

Kajian ini juga mendapati responden yang terbanyak dalam kajian terdiri daripada pelajar Fakulti Agroteknologi Sains Makanan (FASM) 20 responden (45.5%) dan kedua terbanyak daripada Fakulti Sains dan Teknologi (FST) 17 responden (38.6%) dan selebihnya daripada Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM) 5 responden (11.4%) dan Fakulti Pengurusan dan

Ekonomi (FPE) 2 responden (4.5%). Mengikut tahun pengajian pula, responden yang terbanyak ialah tahun 2 iaitu 23 responden (52.3%) dan selebihnya tahun 3 iaitu 21 responden (47.7%). Ini menunjukkan bahawa kesemua responden telah melalui pengalaman cara pembelajaran di institut pengajian tinggi. Manakala dari segi semester pengajian pula, 24 responden (54.5%) berada pada semester pengajian III, 16 responden (36.4%) di semester II dan selebihnya 4 responden (9.1%) berada di semester I.

Mengikut item bangsa pula, didapati bangsa Melayu merupakan responden majoriti dalam kajian iaitu 24 responden (54.4%), China 15 responden (34.1%), India 2 responden (4.5%) dan lain-lain 3 responden (6.8%).

Latarbelakang responden yang pernah mengikut pelajaran bahasa Jepun sebelum mempelajarinya di UMT rata-ratanya 40 responden (90.0%) tidak pernah mengikut dan hanya 4 orang sahaja pernah mengikut pembelajaran bahasa Jepun sebelum ini. 5 responden (11.4%) yang pernah mengikut pembelajaran bahasa Jepun di sekolah menengah dan 5 responden (11.4%) belajar sendiri dan 34 responden (77.3%) pula lain-lain yang diklasifikasikan sebagai tidak pernah mempelajari bahasa Jepun di mana-mana sebelum mempelajari bahasa Jepun di UMT.

Bahagian B

Bahagian ini akan menerangkan berapa lamakah masa yang diperuntukkan untuk mempelajari tulisan Hiragana dalam sehari dan seminggu.

Jadual 5 : Peruntukan masa untuk latihan Hiragana

No	Item		F	%
1.	Memperuntukkan masa membuat latihan menulis setiap huruf Hiragana dalam SEHARI .	0 (Tidak Pernah)	8	18.2
		Kurang 30 minit	22	50.0
		Lebih kurang 30–60 minit	10	22.7
		60 minit ke atas	3	6.8

2.	Memperuntukkan masa membuat latihan menulis setiap huruf Hiragana dalam SEMINGGU .	0 (Tidak Pernah)	1	2.3
		1 kali seminggu	19	43.2
		1 – 2 kali seminggu	16	36.4
		Lebih daripada 2 kali seminggu	7	15.9

Jadual 5 pula menunjukkan 8 responden (18.2%) tidak pernah dan 22 responden (50.0%) hanya memperuntukkan kurang 30 minit membuat latihan Hiragana dalam sehari. Manakala 10 responden (22.7%) memperuntukkan masa lebih kurang 30-60 minit dan hanya 3 responden (6.8%) memperuntukkan masa lebih daripada sejam untuk membuat latihan Hiragana dalam sehari. Manakala 1 responden (2.3%) tidak pernah sekali dan 19 responden (43.2%) hanya satu kali memperuntukkan masa membuat latihan dalam satu minggu. Manakala 16 responden (36.4%) satu hingga dua kali dan 7 responden (15.9%) lebih daripada dua kali membuat latihan Hiragana dalam satu minggu.

Jadual 6: Hubungan di antara pembolehubah B1 dengan pembolehubah A7

		Pembolehubah B1	Memperuntukkan masa membuat latihan menulis setiap huruf hiragana dalam SEHARI .			
			Tidak Pernah	Kurang 30 minit	Lebih kurang 30– 60 minit	60 minit ke atas
Tempoh pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun SEBELUM memperlajarinya di UMT.	Tidak Pernah Belajar	7 (17.9%)	20 (51.3%)	9 (23.1%)	3 (7.7%)	
	Lebih kurang 1-2 tahun	0	1 (100.0%)	0	0	
	2 tahun ke atas	1 (33.3%)	1 (33.3%)	1 (33.3%)	0	

Nota: *p<0.1

Jika diteliti daripada data-data Jadual 5, adakah 8 responden (18.2%) yang tidak pernah memperuntukkan masa membuat latihan Hiragana dalam sehari merangkumi 4 responden yang

pernah mengikuti pembelajaran bahasa Jepun sebelum ini? Dan sebaliknya adakah 3 responden (7.7%) yang memperuntukkan 60 minit ke atas membuat latihan Hiragana adalah terdiri daripada mereka yang tidak pernah mengikuti bahasa Jepun sebelum ini? Jawapannya ialah TIDAK. Nilai Pearson Chi-Square pada 1.869^a membuktikan bahawa pembolehubah A7: Tempoh pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun **SEBELUM** memperlajarinya di UMT tidak signifikan dalam mempengaruhi pembolehubah B1: Memperuntukkan masa membuat latihan Hiragana. Berdasarkan Jadual 6 jelas menunjukkan taburan pembolehubah B1 tidak selari dengan taburan bagi pembolehubah A7.

Jadual 7: Hubungan di antara pembolehubah B2 dengan pembolehubah A7

Pembolehubah B2		Memperuntukkan masa membuat latihan menulis setiap huruf hiragana dalam SEMINGGU .			
		Tidak Pernah	1 kali seminggu	1-2 kali seminggu	Lebih daripada 2 kali seminggu
Pembolehubah A7					
Tempoh pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun SEBELUM memperlajarinya di UMT.	Tidak Pernah Belajar	1 (2.6%)	18 (46.2%)	15 (38.5%)	5 (12.8%)
	Lebih kurang 1-2 tahun	0	0	1 (100.0%)	0
	2 tahun ke atas	0	1 (33.3%)	2 (66.7%)	0

Nota: * $p < 0.1$

Jika dirujuk Jadual 7 juga jelas menunjukkan tidak semestinya 40 responden yang tidak pernah mempelajari bahasa Jepun memperuntukkan masa membuat latihan Hiragana melebihi 2 kali dalam satu minggu bagi menguasai dan memantapkan sistem tulisan Hiragana. Ini dibuktikan dengan nilai Pearson Chi-Square pada 7.979^a yang menunjukkan pembolehubah A7 : Tempoh pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun **SEBELUM** mempelajarinya di UMT tidak signifikan dalam mempengaruhi pembolehubah B2: Memperuntukkan masa membuat latihan Hiragana dalam **SEMINGGU**. Ini bermakna dapatan daripada Jadual 6 dan 7 jelas menunjukkan bahawa tidak semestinya pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Jepun akan memperuntukkan masa yang lebih bagi menguasai tulisan hiragana dalam seminggu.

Bahagian C

Bahagian ini akan menerangkan tema (strategi) yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran tulisan Hiragana. Untuk memudahkan penganalisan terhadap tahap kerap penggunaan strategi yang digunakan dalam mempelajari tulisan Hiragana, interpretasi skor min ditetapkan seperti Jadual 8.

Jadual 8: Interpretasi Skor Min

Nilai Min	Interpretasi
1-2	Lemah
2-3	Sedarhana
3-4	Memuaskan
4-5	Baik

Jadual 9: Skor min, markah min, sisihan lazim dan intepretasi min bagi setiap penggunaan strategi

No	ITEM	Markat Min	Sisihan Lazim	Min	Tahap Kerap Penggunaan Strategi
1.	MENULIS setiap huruf Hiragana berulang kali	9.97	0.627	4.55	Baik
2.	MENYEBUT setiap huruf Hiragana berulang kali	9.72	0.505	4.52	Baik
3.	Membuat latihan yang diberikan oleh guru	9.65	0.818	4.43	Baik
4.	Merujuk kepada pengajar sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	9.64	0.629	4.50	Baik
5.	MENULIS perkataan yang mengandungi setiap huruf Hiragana berulang kali	9.16	0.693	4.41	Baik
6.	Meminta pengajar memperbetulkan CARA MENULIS setiap huruf Hiragana	8.81	0.883	4.32	Baik
7.	Meminta pengajar memperbetulkan CARA MENYEBUT setiap huruf Hiragana	8.70	0.851	4.30	Baik
8.	MENGINGATI kembali imaginasi/tips setiap huruf Hiragana yang diberikan oleh pengajar	8.68	0.851	4.30	Baik
9.	MEMBUAT imaginasi sendiri dengan mengaitkan bentuk huruf Hiragana dengan benda-benda lain	8.58	0.776	4.34	Baik

10.	MENYEBUT perkataan yang mengandungi setiap huruf Hiragana berulang kali	8.51	0.817	4.27	Baik
11.	MENGINGATI kembali sebutan setiap huruf Hiragana oleh pengajar	8.38	0.859	4.23	Baik
12.	Merujuk kepada buku latihan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	8.13	0.711	4.23	Baik
13	Membaca pelbagai bahan bacaan selain daripada rujukan yang digunakan di dalam kelas sebagai latihan	7.36	1.141	4.00	Baik
14.	MEMBUAT imaginasi sendiri dengan mengaitkan sebutan huruf Hiragana dengan benda-benda lain	7.23	0.813	4.11	Baik
15.	Merujuk kepada rakan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	7.22	0.858	4.09	Baik
16.	Mencari dan membuat sendiri latihan melalui buku yang dibeli sendiri, internet, kreativiti sendiri dan lain-lain.	6.28	1.017	3.89	Memuaskan

Nota: *** $p < 0.01$

Berdasarkan kepada Jadual 9, analisis yang menggunakan Friedman Test menunjukkan kesemua pembolehubah adalah signifikan pada $p < 0.01$. Analisis yang menggunakan Kendall's W Test bernilai 0.098. Ini bermakna terdapat hanya sedikit persetujuan di kalangan responden dalam susunan keutamaan pembolehubah yang dipilih oleh responden. Nilai Kendall's W Test adalah di antara 0 dan 1. Nilai 1 menunjukkan terdapat persetujuan yang tinggi di kalangan responden dan nilai 0 pula menunjukkan terdapatnya persetujuan yang rendah di kalangan responden.

Jadual 9 juga menunjukkan susunan atau urutan 16 pembolehubah strategi yang dipilih oleh responden. Pembolehubah C1: Menulis setiap huruf Hiragana berulang kali merupakan strategi yang paling popular. Interpretasi Min bagi tahap kerap penggunaan strategi adalah Baik.

Manakala pembolehubah C16: Mencari dan membuat sendiri latihan melalui buku yang dibeli sendiri, internet, kreativiti sendiri dan lain-lain merupakan strategi yang intepretasi minnya ialah hanya pada tahap Memuaskan.

Manakala Jadual 10 menunjukkan data yang menjelaskan ada atau tiada hubungan signifikan antara pembolehubah B1: Tempoh pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun **SEBELUM** memperlajarinya di UMT dengan pembolehubah C1~ C16 dengan menggunakan analisis tabulasi silang.

Jadual 10: Taburan nilai signifikan di antara pembolehubah B1 dengan setiap penggunaan strategi menggunakan analisis tabulasi silang

No.	Pembolehubah	Pearson Chi-Square	Nilai Signifikan
1	MENULIS setiap huruf Hiragana berulang kali	1.735 ^a	0.784
2	MENYEBUT setiap huruf Hiragana berulang kali	1.345 ^a	0.510
3	Membuat latihan yang diberikan oleh guru	6.864 ^a	0.334
4	Merujuk kepada pengajar sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	6.273 ^a	0.180
5	MENULIS perkataan yang mengandungi setiap huruf Hiragana berulang kali	5.118 ^a	0.529
6	Meminta pengajar memperbetulkan CARA MENULIS setiap huruf Hiragana	3.790 ^a	0.705
7	Meminta pengajar memperbetulkan CARA MENYEBUT setiap huruf Hiragana	2.604 ^a	0.857
8	MENGINGATI kembali imaginasi/tips setiap huruf Hiragana yang diberikan oleh pengajar	16.775 ^a	0.033**
9	MEMBUAT imaginasi sendiri dengan mengaitkan bentuk huruf Hiragana dengan benda-benda lain	6.364 ^a	0.606
10	MENYEBUT perkataan yang mengandungi setiap huruf Hiragana berulang kali	5.069 ^a	0.535

11	MENGINGATI kembali sebutan setiap huruf Hiragana oleh pengajar	6.364 ^a	0.606
12	Merujuk kepada buku latihan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	46.870 ^a	0.000***
13	Membaca pelbagai bahan bacaan selain daripada rujukan yang digunakan di dalam kelas sebagai latihan	5.077 ^a	0.749
14	MEMBUAT imaginasi sendiri dengan mengaitkan sebutan huruf Hiragana dengan benda-benda lain	6.302 ^a	0.390
15	Merujuk kepada rakan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	8.958 ^a	0.176
16	Mencari dan membuat sendiri latihan melalui buku yang dibeli sendiri, internet, kreativiti sendiri dan lain-lain.	6.144 ^a	0.635

Nota: **p<0.05 ***p<0.01

Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah pembolehubah C8 dan C12 mempunyai hubungan signifikan dengan pembolehubah B1. Manakala pembolehubah yang selebihnya tidak mempunyai hubungan signifikan ataupun tidak dipengaruhi oleh pembolehubah B1.

Jadual 11 menjelaskan lagi taksiran ini di mana 18 responden (45.0%) setuju dan 19 responden (47.5%) sangat setuju daripada kalangan responden yang tidak pernah mengikuti pembelajaran bahasa Jepun sebelum ini menggunakan strategi mengingat kembali imaginasi/tips setiap huruf Hiragana yang diberikan oleh pengajar dalam memantapkan penguasaan tulisan Hiragana. Manakala 3 responden yang pernah mengikuti bahasa Jepun sebelum ini juga setuju dan sangat setuju dalam menggunakan strategi ini. Data ini menjelaskan bahawa pelajar yang tidak pernah mengikuti pembelajaran bahasa Jepun sebelum ini banyak bergantung kepada pembelajaran melalui pengajaran pengajar. Maka adalah wajar strategi ini diperlipat gandakan bagi memudahkan pembelajaran tulisan Hiragana.

Jadual 11: Hubungan di antara pembolehubah C8 dengan pembolehubah A7

Pembolehubah C8		MENGINGATI kembali imaginasi/tips setiap huruf Hiragana yang diberikan oleh pengajar					
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Pembolehubah A7	Tempoh pernah mengikuti pelajaran bahasa Jepun SEBELUM memperlajarinya di UMT.	Tidak Pernah Belajar	1 (2.5%)	0	2 (5.0%)	18 (45.0%)	19 (47.5%)
		Lebih kurang 1-2 tahun	0	0	0	1 (100.0%)	0
		2 tahun ke atas	0	1 (33.3%)	0	2 (66.7%)	0

Jadual 12 pula menjelaskan 20 responden (50%) setuju dan 16 responden (40%) sangat setuju daripada kalangan responden yang tidak pernah mengikuti pembelajaran bahasa Jepun sebelum ini merujuk kepada buku latihan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap Hiragana. Begitu juga dengan 2 responden (66.7%) yang pernah mengikuti pembelajaran bahasa Jepun juga menggunakan strategi yang sama. Data ini menjelaskan bahawa pelajar yang tidak pernah mengikuti pembelajaran bahasa Jepun sebelum ini lebih cenderung kepada pembelajaran sendiri.

Jadual 12: Hubungan di antara pembolehubah C12 dengan pembolehubah A7

Pembolehubah C12		Merujuk kepada buku latihan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana					
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Pembolehubah A7	Tempoh pernah mengikuti pelajaran	Tidak Pernah Belajar	1 (2.5%)	0	2 (5.0%)	18 (45.0%)	19 (47.5%)

bahasa Jepun SEBELUM memperlajarinya di UMT.	Lebih kurang 1-2 tahun	0	0	0	1 (100.0%))	0
	2 tahun ke atas	0	1 (33.3%)	0	2 (66.7%)	0

Jadual 13 pula hanya sebagai rujukan bagi menjelaskan lagi taburan skala Likert dalam setiap pembolehubah.

Jadual 13: Taburan skala Likert dalam setiap pembolehubah

No	ITEM	STS	TS	TP	S	SS
1.	MENULIS setiap huruf Hiragana berulang kali	0	1 2.3%	0	17 38.6%	26 59.1%
2.	MENYEBUT setiap huruf Hiragana berulang kali	0	0	0	21 47.7%	23 52.3%
3.	Membuat latihan yang diberikan oleh guru	1 2.3%	0	3 6.8%	15 34.1%	25 56.8%
4.	Merujuk kepada pengajar sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	0	0	3 6.8%	16 36.4%	25 56.8%
5.	MENULIS perkataan yang mengandungi setiap huruf Hiragana berulang kali	0	1 2.3%	2 4.5%	19 43.2%	22 50.0%
6.	Meminta pengajar memperbetulkan CARA MENULIS setiap huruf Hiragana	0	3 6.8%	3 6.8%	15 34.1%	23 52.3%
7.	Meminta pengajar memperbetulkan CARA MENYEBUT setiap huruf	0	3 6.8%	2 4.5%	18 40.9%	21 47.7%

	Hiragana					
8.	MENGINGATI kembali imaginasi/tips setiap huruf Hiragana yang diberikan oleh pengajar	1 2.3%	1 2.3%	2 4.5%	20 45.5%	20 45.5%
9.	MEMBUAT imaginasi sendiri dengan mengaitkan bentuk huruf Hiragana dengan benda-benda lain	0	0	8 18.2%	13 29.5%	23 52.3%
10.	MENYEBUT perkataan yang mengandungi setiap huruf Hiragana berulang kali	1 2.3%	0	4 9.1%	20 45.5%	19 43.2%
11.	MENGINGATI kembali sebutan setiap huruf Hiragana oleh pengajar	1 2.3%	1 2.3%	3 6.8%	21 47.7%	18 40.9%
12.	Merujuk kepada buku latihan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	0	1 2.3%	4 9.1%	23 52.3%	16 36.4%
13.	Membaca pelbagai bahan bacaan selain daripada rujukan yang digunakan di dalam kelas sebagai latihan	2 4.5%	3 6.8%	7 15.9%	13 29.3%	19 43.2%
14.	MEMBUAT imaginasi sendiri dengan mengaitkan sebutan huruf Hiragana dengan benda-benda lain	0	1 2.3%	9 20.5%	18 40.9%	16 36.4%
15.	Merujuk kepada rakan sekiranya tidak pasti dengan cara penulisan setiap huruf Hiragana	0	2 4.5%	8 18.2%	18 40.9%	16 36.4%
16.	Mencari dan membuat sendiri latihan melalui buku yang dibeli sendiri, internet, kreativiti sendiri dan lain-lain.	1 2.3%	3 6.8%	10 22.7%	16 36.4%	14 31.8%

Bahagian ini pula ialah menerangkan strategi-strategi lain yang digunakan semasa mempelajari tulisan Hiragana yang telah diberikan oleh responden bagi memantapkan lagi penguasaan tulisan Hiragana.

- Menonton filem dan drama Jepun.
- Bermain permainan elektronik Jepun.
- Melayari laman Web Jepun.
- Mengulangkaji setiap kali selepas kelas dan sebelum kelas.
- Bertutur dengan rakan sekelas dalam bahasa Jepun.
- Menghantar SMS dalam bahasa Jepun dengan rakan rapat yang juga mengambil kursus bahasa Jepun.
- Dengan menonton animasi dan filem dalam bahasa Jepun dapat membantu cara menyebut perkataan dengan betul. Di samping itu juga, dapat mempelajari budaya masyarakat Jepun.
- Menghafal
- Menulis maksud ayat Hiragana dalam bahasa Melayu.
- Bermain permainan dalam bahasa Jepun.
- Menghafal secara melihat.
- Menghafal perkataan Hiragana dalam bentuk Roman.
- Bersoal jawab bersama rakan.
- Menulis dan menampal Hiragana di dinding dan di hadapan meja.
- Kaitkan tatabahasa Jepun dengan tatabahasa Cina sebab ia lebih sama berbanding dengan tatabahasa bahasa Inggeris.
- Mempelajari Hiragana melalui animasi atau video.
- Menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap kelas bahasa Jepun.
- Elakkan daripada tidak hadir ke kelas bahasa Jepun.
- Membuat ulangkaji sekurang-kurangnya sekali sebelum kelas bermula.
- Mengulangi Hiragana pada dialog.
- Sering meniru teks (karangan) untuk memahirkan penulisan.

Pada kajian akan datang item-item ini mungkin perlu dimasukkan mengikut kesesuaian skop kajian sebagai pembolehubah kepada kajian SPB seterusnya.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian, dapat dirumuskan bahawa strategi pembelajaran tulisan Hiragana yang paling diamalkan oleh para pelajar di antara 16 strategi dalam kajian ini ialah menulis setiap huruf hiragana berulang kali dan strategi yang mendapat kedudukan yang paling bawah dalam amalan pelajar ialah mencari dan membuat sendiri latihan melalui buku yang dibeli sendiri, internet, kreativiti sendiri dan lain-lain.

Daripada data-data yang diperolehi pengajar-pengajar perlu mengambil langkah yang lebih proaktif sejajar dengan pilihan strategi yang menjadi amalan pelajar dalam memastikan strategi-strategi yang diamalkan itu lebih efektif dan memberikan impak yang besar. Contohnya strategi menulis setiap huruf Hiragana berulang kali merupakan amalan bagi setiap pelajar maka dengan itu pengajar perlu memantau hasil daripada penulisan tersebut dengan meminta pelajar menghantar untuk diperiksa dan diteliri oleh pengajar. Begitu juga dengan memastikan setiap pelajar berjumpa dengan pengajar sebagai pemantauan adakah pelajar boleh menyebut dan menulis setiap huruf Hiragana yang telah dipelajari dengan lancar.

Menurut Sarasin (1998) dalam Shareza (2003), pendidik seharusnya boleh mengubah strategi pengajaran mereka berdasarkan gaya pembelajaran pelajar. Pendidik seharusnya memastikan kaedah, material dan sumber yang digunakan adalah mengikut cara pembelajaran pelajar dan meningkatkan potensi pembelajaran setiap pelajar.

Berdasarkan data kajian yang diperolehi dapat disimpulkan bahawa dalam pembelajaran tulisan Hiragana, pelajar-pelajar UMT tidak hanya memberi penekanan pada pembelajaran sendiri malah pembelajaran melalui pengajaran pengajar juga dititikberatkan. Strategi yang memerlukan kerjasama daripada pengajar juga adalah di antara kedudukan yang teratas dalam kajian ini. Di mana pengajar diminta untuk membaiki cara penulisan dan sebutan huruf Hiragana. Malah input sokongan yang diberikan oleh pengajar juga memainkan peranan yang penting. Contohnya memberikan imaginasi/tips atau contoh imej bagi setiap huruf Hiragana. Usaha ini patut dilipatgandakan bagi memudahkan pelajar dengan mempelbagaikan teknik, bahan dan aktiviti yang membolehkan pelajar mudah mengingat setiap tulisan Hiragana. Pengajar perlu

meningkatkan kualiti penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar.

Dapat disimpulkan juga bahawa 3 strategi di antara 4 kedudukan paling bawah pada Jadual 13, di mana strategi-strategi berikut memerlukan sedikit keupayaan atau pendekatan yang berlainan tidak seperti yang sering diamalkan, iaitu membaca pelbagai bahan bacaan selain daripada rujukan yang digunakan di dalam kelas, membuat imaginasi sendiri dengan mengaitkan sebutan huruf hiragana dengan benda-benda lain dan mencari serta membuat sendiri latihan melalui buku yang dibeli sendiri, internet, kreativiti sendiri adalah tidak begitu popular. Mungkin di sini adalah peranan pengajar dan ibubapa malah pihak-pihak yang tertentu memperkenalkan dan menyediakan keperluan fizikal bagi memenuhi keperluan pembelajaran dalam menghadapi suasana pembelajaran yang berubah mengikut masa.

Pelajar juga perlu diberi pengetahuan tentang kepentingan gaya pembelajaran terhadap pembelajaran mereka. Sebagaimana seperti yang telah diutarakan oleh Biekey dan Rodman (1995) sebelum ini bahawa adalah penting dalam proses pembelajaran seseorang pelajar mengenal jenis gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan dirinya sendiri. Untuk merealisasikan matlamat ini pelajar mungkin boleh mengenalpasti gaya pembelajarannya melalui sesi temubual dengan pengajar, pihak kaunselor dan lain-lain lagi.

Kesimpulan secara keseluruhan dalam kajian ini ialah kepelbagaian SPB yang digunakan dalam pembelajaran penulisan bahasa asing di kalangan pelajar haruslah diperkenalkan dengan lebih meluas dan efektif dan strategi yang menjadi amalan para pelajar perlu dititikberatkan dan diperkasakan lagi bukan sahaja oleh pelajar itu sendiri malah pengajar, ibubapa dan pihak-pihak tertentu. Ini adalah kerana selari dengan kenyataan Abu Talib dan Mohamed Amin (1997) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar perlu mempelbagai SPB ketika belajar bahasa kerana mempelbagai strategi belajar ketika belajar tulisan dapat memperoleh keputusan yang baik ketika belajar.

Rujukan

- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4 di daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu*. Dissertation (M.M.L.S) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Biekey & Rodman. (1995). *Adult Learning Styles and Preference for Technology Programs*. National University Research Institute.
- Brown, J. D. and Rodgers.T.S. (2003). *Doing Second Language Research*. UK: Oxford University Press.
- Kang, Hyeok. (1999). *Learning style preferences of Korean high school students*. Dissertation (M.E.S.L) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohamed Amin Embi. (1996). *Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia*. Thesis Ph.D. School of Education: University of Leeds.
- Mohd Nazali Abu Bakar. (1999). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan 4: Satu tinjauan*. Penulisan Ilmiah. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Neo, Swee Leng. (2005). *Strategi pembelajaran bahasa : satu kajian di kalangan pelajar-pelajar Bahasa Sepanyol di Universiti Malaya*. Dissertation (M.M.L.S.) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Pusat Persediaan Kajian Teknikal Ke Jepun. (1997). *Mareshia Kouka Daigaku: Yobi Kyoiku Senta – Gaiyo*. Petikan ucapan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981). Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia
- Roslina Mamat. (1999). *Strategi komunikasi pertuturan dalam Bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar Melayu di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur*. Dissertation (M.M.L.S) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Roswati Abdul Rashid. (2002). *Analisis kesilapan ayat-ayat bersyarat bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar melayu Pusat Kajian Teknikal Ke Jepun, Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

- Sarasin, L.C. (1998). *Learning style perspectives: Impact in the classroom*. Madison, WI: Atwood Publishing
- Shareeza Abdul Karim, Azizi Yahya, Noordin Yahaya dan Najmuddin Alapiah. 2003. Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di tingkatan empat sekolah menengah teknik Negeri Sembilan. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru pada 19-21. Oktober 2003. Anjuran Fakulti Pendidikan, UTM.
- Supian Md. Noor. (2003). *Strategi pemerolehan tatabahasa ayat satu dasar*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Suzana Ismail. 2005. *Communication strategies in Japanese language interactions among Malay students at the University of Malaya*. Dissertation (M.M.L.S.) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Tanaka, S. 1999. *Introduction to Japanese Pronunciation: Theory and Practice*. Tokyo: Kurosio.
- The Japan Foundation. 1990. *An Introduction to the Japanese Syllabary*. Tokyo: Japan Foundation.
- 3A Corporation. 1999. *Minna No Nihongo 1*. (Main Textbook). Tokyo: 3A Corporation.
- 3A Corporation. 1999. *Minna No Nihongo 1*. (Translation & Grammatical Notes) Tokyo: 3A Corporation.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak & Jurian Long. 2002. *Strategi pembelajaran bahasa dari segi jantina pelajar cemerlang: Satu kajian perbandingan*. Proceedings of the International Conferences on Education for All 2002. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah dan Mohamed Amin Embi. 2003. *Memperkasakan pembelajaran pelajar melalui keberbagaian strategi pembelajaran bahasa*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru pada 19-21. Oktober 2003. Anjuran Fakulti Pendidikan, UTM.